

**Kedidi Dada Merah**  
Asian Dowitcher

FAMILI: SCOLOPACIDAE

NAMA SAINTIFIK: *Limnodromus semipalmatus*

**CIRI-CIRI**

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa agak sukar dibezakan dengan *Limosa* spp. Ia menyerupai Kedidi Berjalur, *Limosa lapponica baueri*, tetapi saiznya adalah lebih kecil manakala bahagian tengkuk dan kaki adalah pendek. Bahagian hadapan kepala rata manakala bahagian paruh berwarna hitam dan sedikit melengkung pada bahagian hujungnya (bahagian dasar paruh kemungkinan lebih pudar). Semasa terbang, bahagian atas primer, sekunder dan sebahagian besar pangkal sayap berwarna lebih pudar berbanding dengan keseluruhan bahagian bulu sayap. Bahagian bawah sayap berwarna pudar tanpa sebarang jalur atau bintik pada (menyerupai sub-spesies *L.l.lapponica*). Bahagian belakang ke bahagian atas pangkal ekor berwarna putih dengan jalur-jalur gelap. Sebahagian besar bahagian atas ekor tidak berjalur.

**SAIZ**

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 34-36 sm.

**MAKANAN**

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

**HABITAT**

Kawasan paya dan beting lumpur.

**BUNYI**

Mengeluarkan bunyi *choaw* atau *chowp* bunyi *chep-chep* serta bunyi *kiaow* yang lembut.

**TABIAT**

Di Asia Tenggara, ia merupakan spesies hijrah di kawasan persisiran (kecuali di Myanmar). Juga direkodkan di barat Semenanjung Malaysia dan selatan Myanmar di mana statusnya tidak dikenalpasti.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah di antara bulan Mei-Ogos. Sarang dibina di celah-celah kawasan rumpun pokok yang kecil. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4 biji.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara